Jabatan Perikanan Malaysia

MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2020

Tarikh : 25 Jun 2020 (Khamis)
Masa : 8.30 – 10.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. YBhg. Dato' Haji Munir bin Haji Mohd Nawi - Pengerusi
   Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

2. Encik Nor Shahbani bin Nordin
   Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

3. Puan Nur Ilyani binti Md Aris - Pencatat Minit
   Bahagian Khidmat Pengurusan

4. Puan Hasniah binti Othman
   Bahagian Pembangunan Latihan dan
   Kemajuan Kerjaya

5. Encik Mohd Izzat Hafiz bin Mohd Yazid Zihar
   Bahagian Khidmat Pengurusan

6. Intan Mawarni binti Mohamed Zain
   Bahagian Pembangunan Latihan dan
   Kemajuan Kerjaya

7. Puan Safura binti Shaaruddin
   Bahagian Khidmat Pengurusan

8. Puan Nur Amira Yasmin binti Mohd Yusoff
   Bahagian Khidmat Pengurusan

9. Asmah binti Awang
   Bahagian Khidmat Pengurusan

10 Puan Hanim binti Hussain
   Bahagian Khidmat Penguru san

KEHADIRAN (WAKIL PEKERJA):

1. Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias
   Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber
   Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G44)

2. Encik Syed Yusuf bin Wan Drahman
   Bahagian Perancangan dan Pembangunan
   Setiausaha Bersama (G41)

3. Encik Nordiskandar bin Nor Tajudin
   Bahagian Kejuruteraan
   Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41/G44 Kejuruteraan)

4. Puan Norhabina binti Abd Aris
   Bahagian Pengembangan Perikanan
   Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G32)

5. Puan Faizah Nor binti Mohamed
   Bahagian Biosekuriti
   Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G29)

6. Puan Almina binti Espin
   Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
   Wakil Pekerja (Pembantu Perikanan Gred G19)

7. Puan Nurul Hanisah binti Mahmud
   Bahagian Khidmat Pengurusan
   Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)

8. Encik Muhammad Azri bin Sabaruddin
   Bahagian Biosekuriti
   Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi) Gred N19/N22/N26)

9. Encik Mohd Fazerul bin Noor Hashim
   Bahagian Perlindungan Sumber
   Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/ N22/N26)

10. Encik Hamidon bin Ahmad
    Bahagian Pengembangan Dan Pemindahan Teknologi
    Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G36)

11. Puan Siti Sutina binti Omar
    PBKLIA
    Wakil Pekerja (Skim Perkhidmatan Sains – C)

12. Hj. Mohd Ali bin Sulaiman
    Pejabat Ketua Pengarah Perikanan
    Wakil Pekerja (Pembantu Operasi Gred N11 / N14)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

13. Encik Mohd Yusof bin Yunus
    Bahagian Kejuruteraan
    Wakil Pekerja (Penolong Jurutera Gred J26/JA29/JA36/JA38)

14. Encik Mohd Faridzuan bin Mohd Pauzhi
    Bahagian Pengurusan Maklumat
    Wakil Pekerja (Juruteknik Komputer/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Pegawai Pegawai Teknologi Maklumat Gred FT19/FT22/F38/F41/F44/F48)

15. Puan Yuniza binti Baharom
    Bahagian Khidmat Pengurusan
    Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19 / N22 / N29 / N28 / N32 / N36)

16. Encik Mohamad Alif Iqbal bin Abdul Hisham
    Unit Komunikasi Korporat
    Wakil Pekerja (Pembantu Perikanan Gred G19)

17. Encik Saari bin Sulaiman
    Bahagian Biosekuriti Perikanan
    Wakil Pekerja (Pemandu Kenderaan Gred H11/H14)

18. Encik Yusri bin Ismail
    Kader MOA
    Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Kader Gred G44)

19. Khaitrul Ediana binti Mohd Tahir
    Pejabat Ketua Pengarah Perikanan
    Wakil Pekerja (Skim Penyelidikan – Q)

1. UCAPAN ALUAN PENGERUSI MBJ

i. YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir serta merakamkan ucapan tahniah kepada Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias atas pelantikannya sebagai Naib Pengerusi MBJ menggantikan Encik Fauzi bin Salehon yang telah bertukar ke Pejabat Perikanan Negeri Melaka;

ii. Mesyuarat diingatkan bahawa ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPB) ini aktiviti kerja di Jabatan perlu berlangsung pada tahap seratus peratus mahupun mengamalkan norma yang baharu di antaranya mengamalkan penjarakan sosial serta bermesyuarat secara maya;

iii. Mesyuarat juga dimaklumkan mulai 1 Julai 2020, Dasar Jabatan adalah semua kakitangan dikehendaki kembali bekerja di pejabat.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN NAIB PENGERUSI MBJ

i. Naib Pengerusi MBJ, Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias menzahirkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Pengerusi di atas lantikan beliau;

ii. Beliau juga amat berterima kasih atas kesudian pihak pengurusan memberi peluan bagi MBJ untuk menjalankan fungsi sebagai suara pekerja kerana telah dijemput untuk memberi pandangan di dalam mesyuarat berkenan penjumudan skim Pembantu Perikanan di Jabatan;

iii. Mesyuarat dimaklumkan atas penambahan ahli MBJ pekerja bahru seperti berikut:
   a. Encik Hamidon bin Ahmad – wakil Gred G36
   b. Puan Khaitrul Ediana binti Mohd Tahir – wakil Skim Q
   c. Puan Siti Sutina binti Omar - wakil Skim C

iv. Naib Pengerusi memaklumkan beliau dan barisan wakil pekerja MBJ akan berusaha untuk mengumpul dan mengutarakan apa-apa isu berkenaan skim dan gred masing-masing untuk dibincang bersama pihak pengurusan.

Tindakan: Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 1 TAHUN 2020

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 1 Tahun 2020 disahkan tanpa pindaan.

Tindakan: Makluman

4. PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

4.1 Blue Print Laluan Kerjaya

i. PLKK memaklumkan telah berhubung bersama pihak DOA dan DVS berkenaan Pelan Laluan Kerjaya yang diamalkan di Jabatan-Jabatan tersebut dan mendapati bahawa Pelan Laluan Kerjaya bagi DOA mengikut kerangka Laluan Kerjaya Guru manakala DVS masih di dalam proses menghasilkan Laluan Kerjaya yang dijangka akan selesai pada Oktober 2020;

Tindakan: Makluman

ii. PLKK juga sedang berhubung bersama Institut Aminuddin Baki berkenaan Penggubalan Pelan Laluan Kerjaya serta Pelan Penggantian Jabatan, dan dijangka akan bermesyuarat pada 7 Julai 2020;

Tindakan: Makluman

iii. YBhg. Dato' Pengerusi memohon PLKK untuk menyediakan *time line* berkenaan rancangan penggubalan Laluan Kerjaya Jabatan untuk lebih jelas dirujuk.

Tindakan : PLKK

4.2 Kertas Kerja Naik Taraf Pembantu Perikanan Gred G19 / G26 / G28 ke Gred G29 secara Tukar Lantik

i. BKP telah melaksanakan kajian Penjumudan Skim Pembantu Perikanan melibatkat semua PTJ di Jabatan. Maklumbalas awalan menyatakan bahawa masih terdapat keperluan bagi Pembantu Perikanan, terutamanya di daerah dalam menjalankan tugas kutipan data, pelesenan dan akuakultur. Ini akan memberi kesan yang besar

kepada organisasi, melibatkan perubahan perjawatan, perubahan dasar skim dan saraan, perubahan syarat lantikan, serta pelbagai isu yang lain.

Tindakan: Makluman

ii. Jabatan tiada halangan bagi pihak MTSU untuk membentangkan Kertas Tukar Lantik Pembantu Perikanan ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 bagi Pegawai yang memiliki SKM Tahap 4 dalam bidang perikanan dan lulus PSL bagi yang berkhidmat lebih 10 tahun di dalam MBK Am yang dijadualkan bermesyuarat pada awal Ogos 2020.

Tindakan: Makluman

iii. Pengarah BKP memaklumkan, tukar lantik Pembantu Perikanan ke Penolong Pegawai Perikanan G29 ini melibatkan anggaran seramai 176 kakitangan iaitu 10 orang lulus SKM Tahan 4 dalam bidang berkaitan perikanan dan 166 orang lulus PSL dan telah berkhidmat lebih 10 tahun. Bagi maksud tukar lantik, kajian lanjut perlu dilakukan dan berkemungkinan sekiranya lulus perlu dilakukan secara berperingkat kerana melibatkan jumlah pegawai yang besar.

Tindakan: Makluman

iv. YBhg. Dato' Pengerusi memohon PLKK membuat sesi *engagement* bersama pihak MTSU dengan penglibatan MOA dan JPA bagi menyesuaikan permintaan pihak MTSU dengan keperluan sebenar Jabatan.

Tindakan : PLKK

4.3 Urusan Pengambilan Pegawai Baharu

i. Naib Pengerusi memohon maklumbalas berkenaan perkara 5.2(i) di dalam Minit Mesyuarat MBJ Bil 1.2020 berkenaan status pengisian Pembantu Perikanan Gred G19 di daerah-daerah kritikal.

ii. Urusetia mengambil maklum akan perkara tersebut. Pengisian perjawatan di bawah Ketua Perkhidmatan KP DOF iaitu lantikan baharu Gred G19, G29, G41, Q29 dan Q41 sedang dalam tindakan SPA.

Tindakan : Makluman

5. ISU – ISU DARI WAKIL PEKERJA

5.1 Pengisian kekosongan di Bahagian Kejuruteraan

i. Wakil pekerja memohon pengisian bagi jawatan-jawatan berikut di Bahagian Kejuruteraan:
   a. 2 jawatan Gred G48
   b. 3 jawatan Gred JA29
   c. 2 jawatan Gred G41

ii. YBhg. Dato' KP memohon semua ahli mesyuarat mengambil maklum bahawa pengisian perjawatan di bawah Ketua Perkhidmatan KP DOF i sedang dalam tindakan SPA.

Tindakan : Makluman

5.2 Hari Bersama Cawangan Kewangan

i. Wakil pekerja memohon melaksanakan Hari Bersama Cawangan Kewangan bagi memberi pendedahan kepada pegawai Jabatan berkenaan urusan tuntutan dan sebagainya.

ii. Mesyuarat bersetuju agar perkara tersebut dilaksanakan.

Tindakan: BKP (Cawangan Kewangan)

5.3 Kursus Peningkatan Kemahiran Bagi Penolong Tadbir (Perkeranian/Operasi)

i. Wakil Penolong Tadbir (Perkeranian/Operasi) memohon Jabatan untuk menawarkan Kursus / Latihan berkenaan perkhidmatan, HRMIS, Tatatertib dan sebagainya untuk meningkatkan kemahiran Penolong Tadbir.

Tindakan : PLKK

5.4 Kebenaran Bekerja Dari Rumah (BDR) Diteruskan

i. Wakil pekerja memohon kebenaran BDR diteruskan selepas 1 Julai 2020 memandangkan hanya sebahagian sekolah dan taska dibuka, dan ibu bapa masih perlu mengawasi anak-anak di bawah umur 12 dalam kelas atas talian;

Tindakan: Makluman

ii. Pengarah BKP mamaklumkan bahawa kebenaran untuk BDR adalah atas keperluan individu dan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing;

Tindakan: Makluman

iii. YBhg. Dato' Pengerusi memohon pihak BKP untuk menyemak *Standing Order* berkenaan pelaksaan BDR dari pihak JPA.

Tindakan : BKP (Cawangan Personel)

5.5 Penambahbaikan Laluan Kerjaya Bagi Skim Perkhidmatan Sains (C)

i. Wakil Pekerja Skim C mengucapkan terima kasih kerana dilantik sebagai wakil pertama dari skim beliau ke Mesyuarat MBJ

Tindakan: Makluman

ii. Wakil skim C memohon melihat semula berkenaan struktur kenaikan pangkat skim C, dimana hanya terdapat 2 jawatan bagi Gred C32 yang menghadkan peluang kemajuan kerjaya bagi kakitangan di bawah skim ini. Skim C juga memohon perjawatan terbuka iaitu membenarkan pegawai skim C di Jabatan untuk mengisi kekosongan di Jabatan Kimia serta Jabatan Veterina.

Tindakan: Makluman

iii. Ketua Cawangan Personel memaklumkan terdapat berapa opsyen berkenaan peningkatan laluan kerjaya bagi skim C di Jabatan seperti berikut:

1) **Wujudkan lebih banyak Gred Kenaikan Pangkat** – melibatkan *trade off* jawatan lain untuk mewujudkan Gred Kenaikan Pangkat;

2) **Opsyen pertukaran Ketua Perkhidmatan** – selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.6/2010 sekiranya terdapat keperluan untuk merasionalkan semula skim perjawatan, Perkara ini perlu dirujuk kepada pihak JPA terdahulu kerana memerlukan kajian berkenaan skim C secara keseluruhannya di dalam Perkhidmatan Awam;

3) **Tukar Lantik ke Skim Dominan di Jabatan** – cadangan pertukaran skim C kepada skim dominan di Jabatan iaitu skim G (Perikanan) atau Q (Penyelidikan) pada Gred yang setara. Ini adalah tertakluk sekiranya syarat lantikan ke skim-skim berkenaan adalah setara. Opsyen ini lebih mudah dilaksanakan kerana ketetapan tarikh tukar lantik boleh ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sendiri iaitu Ketua Pengarah Perikanan.

Tindakan: Makluman

iv. YBhg. Dato' Pengerusi memohon pihak BKP untuk mengadakan sesi libat urus bersama wakil-wakil skim C bagi mendapatkan konsensus berkenaan kelebihan, kekurangan serta implikasi setiap opsyen yang dinyatakan di atas.

Tindakan: BKP (Cawangan Personel)

5.6 Penambahbaikan Laluan Kerjaya Bagi Skim Operator Wayarles (N)

i. Wakil skim N membentangkan kajian berkenaan Penerimaan Operator Wayarless untuk bertukar ke skim dominan (Skim G) di Jabatan Perikanan yang melibatkan seramai 36 orang dari Jabatan Perikanan, Jabatan Alam Sekitar serta Jabatan Laut. Hasil kajian adalah seperti berikut:

a. 33 orang pegawai bersetuju untuk ditukar lantik ke skim dominan Perikanan (G)
b. 3 orang tidak bersetuju ditukar lantik ke skim dominan Perikanan (G).

Tindakan: Makluman

ii. KC Personel memaklumkan bagi Operator Wireless yang memilih tukar Ketua Perkhidmatan selain Ketua Pengarah Perikanan, pegawai tersebut bukan lagi kader DOF. Sekiranya berlaku penjumudan skim Operator Wireless, pegawai yang tidak memilih option akan disandangkan secara Khas Untuk Penyandang di Jawatan tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini juga perlu dirujuk terlebih dahulu kepada JPA.

Tindakan: Makluman

iii. Pihak BKP juga akan membuat sesi libat urus bersama wakil-wakil skim Operator Wireless bagi mendapatkan konsensus berkenaan

kelebihan, kekurangan serta implikasi opsyen yang dinyatakan di atas

Tindakan: BKP

6. HAL – HAL LAIN

6.1 MBJ Khas

i. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat MBJ terakhir yang akan dipengerusikan oleh beliau sebelum bersara wajib. Sekiranya bekelapangan beliau menjemput ahli MBJ pekerja bersama pihak pengurusan untuk mengadakan sesi santai bersama.

Tindakan: Wakil Pekerja

7. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.00 pagi.

DISEDIAKAN OLEH:

.....	.....
(NUR ILYANI BINTI MD ARIS)	**(SYED YUSUF BIN WAN DRAHMAN)**
Setiausaha Pengurusan	Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan	Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia	Jabatan Perikanan Malaysia